



PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH

Beg Berkunci 2023,

88999 Kota Kinabalu

Telefon Pejabat Am: 088 231623, 218726, 214828

Telefon Pengarah: 088 225865. Faks: 088 230714

E-mail: hq.ssl@sabah.gov.my.



RUJUKAN: PNS:100-4/5/klt.3⁽⁶⁰⁾

PEKELILING PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH

PELAKSANAAN LIMA HARI BEKERJA

TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Mesyuarat Pengurusan Kanan mengenai pemakaian Lima Hari Bekerja untuk kakitangan bertugas mengikut syif.

LATARBELAKANG

Berdasarkan Pekeling Perkhidmatan Negeri Sabah 5/2005, dinyatakan bahawa

Pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu hanya terpakai kepada pegawai yang bekerja mengikut Waktu Bekerja Pejabat. Bagi pegawai yang bekerja membuat syif, Ketua Jabatan boleh menimbangkan kemudahan seumpama ini dengan membuat penyesuaian waktu bekerja selaras dengan keperluan perkhidmatan dan jabatan masing-masing.

Setelah dikaji semula, pihak pengurusan telah menetapkan bahawa semua kakitangan yang bertugas syif akan bertugas mengikut waktu bekerja yang ditetapkan. Ini bertujuan untuk mengoptimumkan masa dan tidak menjelaskan perkhidmatan perpustakaan kepada orang ramai.

PELAKSANAAN

HARI	WAKTU BEKERJA
Isnin - Khamis	7jam 30 minit
Jumaat	6 jam
Sabtu (Ke-2 dan Ke-4)	4 jam 50 minit

Semua Ketua Perpustakaan dikehendaki mengkaji semula jadual syif kakitangan yang bertugas di kaunter berdasarkan bilangan jam pada hari-hari tertentu seperti di jadual atas.

Dengan pelaksanaan ini, kakitangan bertugas secara syif tidak lagi diberikan bayaran elauan bekerja lebih masa sekiranya bertugas pada hari Sabtu ke-2 dan/atau Sabtu ke-4. Walau bagaimanapun, bayaran elauan bekerja lebih masa masih dikekalkan bagi kakitangan yang ditugaskan pada hari ahad. Bayaran elauan bekerja lebih masa juga masih dikekalkan kepada kakitangan sambilan yang bertugas melebihi 23 hari bekerja tetapi diperlukan bertugas pada hari sabtu atau ahad. Pelaksanaan ini hanya diguna pakai di Perpustakaan Wilayah, Cawangan dan Perpustakaan Desa.


TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 01 Ogos 2006

PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, arahan-arahan atau kelulusan yang pernah dikeluarkan oleh pihak pengurusan Perpustakaan Negeri Sabah adalah dibatalkan

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"



(WONG VUI YIN)

Pemangku Pengarah
Perpustakaan Negeri Sabah

Tarikh: 18 Julai 2006